

10/03/1997

Pelaburan asing dijangka naik

Veena Rusli

PELABURAN asing ke negara ini dijangka meningkat berikutan kedudukan defisit akaun semasa yang akan berkurangan kepada paras lima peratus Keluaran Negara Kasar (KNK) menjelang akhir tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifudin Omar, berkata pengurangan defisit akaun semasa itu diharap dapat mempengaruhi petunjuk ekonomi untuk berada dalam keadaan lebih baik dan stabil berbanding tahun sebelumnya.

"Keadaan ini ditunjukkan menerusi pengukuhan nilai ringgit dan kemampuan menarik lebih ramai pelabur luar yang pada awalnya sangsi untuk melabur di Malaysia.

"Unjuran mengenai kedudukan defisit akaun semasa negara yang dibuat tahun lalu tidak begitu tepat kerana petunjuk makroekonomi lain berkembang dengan baik sedangkan defisit akaun semasa bertambah besar.

"Sebenarnya keadaan tidak seteruk itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan (DPMMNK) di Kota Bharu, kelmarin.

Hadir sama Yang Dipertua DPMMNK, Datuk Dr Adam Harun dan Setiausaha Agung Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Zaki Said.

Pada majlis itu, anggota dewan bertafakur dan menghadihkan bacaan al-Fatihah kepada roh Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad dan isterinya, Puan Sri Rohana Othman yang terkorban dalam nahas helikopter Isnin lalu.

Affifuddin berkata, kerajaan sentiasa mengawasi pertumbuhan ekonomi dan kestabilan mata wang negara bagi memastikan ia tidak meningkat atau menurun secara mendadak.

Menurutnya, kestabilan itu penting bagi mengimbangnya dengan perdagangan antarabangsa, manakala kedudukan ringgit akan mempengaruhi nilai import dan eksport negara.

"Dengan kemantapan ringgit, kita mungkin dapat menahannya daripada bocor ke luar negara. Apabila membayar dengan ringgit yang kukuh, barang import negara dengan sendirinya menjadi murah manakala dagangan eksport meningkat selaras kenaikan ringgit," katanya.

Beliau berkata, kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat mengurus dan mengimbangi keadaan itu dengan baik bagi menjadikan ekonomi negara lebih menarik serta membawa pulangan lumayan.

Terdahulu dalam ucapannya, Affifuddin menyifatkan Allahyarham Yahaya sebagai 'model mithali' yang boleh dijadikan pendorong ke arah mencapai kecemerlangan.

Beliau menggesa ahli DPMMNK menjaga ikatan perpaduan bagi menjamin kejayaan lebih besar pada masa depan.

(END)